




PERBANDINGAN ANTARA PERBANKAN ISLAM DAN KONVENTSIONAL

Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“...hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah Al-Maidah[5:8])



Kandungan

PERKARA	MUKASURAT
Pendahuluan	2
Sejarah Penubuhan Perbankan Islam	3
• Perkembangan Institusi Kewangan Islam di Malaysia	4
Sejarah Penubuhan Perbankan Konvensional	5
Nilai-nilai Syariah Selari Dengan Nilai-nilai Universal	6
Perbandingan Antara Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional	
• Perbezaan dari Perspektif Asas (Fundamental)	7
• Perbezaan dari Perspektif Urus Tadbir dan Operasi	10
• Perbezaan dari Perspektif Produk	13
Penutup	15
Glosari	16
Rujukan	

Pendahuluan

Sistem perbankan Islam boleh didefinisikan sebagai suatu sistem perbankan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau dalam bahasa Arab disebut sebagai Syariah. Ini bererti segala operasi yang terdapat di dalam bank sama ada urusan penyimpanan wang maupun urusan pembiayaan dilakukan berlandaskan hukum-hakam Syariah atau sekurang-kurangnya tanpa melanggar larangan-larangan yang telah diterapkan oleh Allah S.W.T. melalui hukum-hakam Syariah. Penggunaan prinsip ini juga meliputi transaksi-transaksi bank yang lain seperti urusan kiriman wang, surat-surat jaminan, surat-surat kredit dan tukaran wang asing.

Faktor utama yang membezakan antara bank Islam dan bank konvensional lain ialah segala urusannya mestilah dikendalikan tanpa melibatkan sebarang unsur-unsur faedah (bunga hutang). Ini disebabkan Islam menghalang umatnya daripada memberi ataupun mengambil dan memakan riba. Selain itu, objektif-objektif utama penubuhan bank Islam adalah untuk memenuhi keperluan umat Islam di dalam urusan bank. Asas pengendalian perniagaannya juga berdasarkan ketetapan Al-Quran dan As-Sunnah, iaitu berdasarkan konsep adil dan saksama demi kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Masih ramai di antara kita yang keliru dengan keuntungan atau dividen yang kita perolehi daripada hasil daripada simpanan kita di dalam bank, sama ada ia dianggap riba atau bukan dan adakah ia haram atau halal. Ini disebabkan oleh kekeliruan dalam membezakan di antara perbankan Islam dan perbankan konvensional.

Bukanlah tujuan risalah ini untuk membanding-bandangkan sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional, kerana pada hakikatnya sistem perbankan Islam yang bersumberkan wahu Allah S.W.T. adalah yang terbaik dan tidak ada tolok bandingnya dengan sistem perbankan konvensional yang merupakan hasil ciptaan manusia. Hal ini selari dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Sibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik sibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya-lah kami menyembah”. (Surah Al-Baqarah [2: 138])*

* (Sibghah ertiinya celupan. Sibghah Allah: celupan Allah yang bererti iman kepada Allah yang tidak disertai dengan kesyirikan.)

Perlu ditegaskan di sini bahawa, kedua-dua sistem ini sangat berbeza. Ia bukan sahaja berdasarkan persoalan untung dan rugi semata-mata, malah ia sebenarnya menjadi benteng pemisah antara syurga dan neraka. Allah S.W.T. telah menjanjikan balasan dosa dan neraka kepada pengamat-pengamat sistem berteraskan riba serta menjanjikan pahala dan syurga kepada pengamat-pengamat sistem ekonomi-Nya. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“...Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.” (Surah Al-Baqarah [2: 275])

Sabda Rasulullah S.A.W. maksudnya:

“Apabila riba dan zina menjadi-jadi di sebuah kampung (negeri), maka sesungguhnya mereka telah membenarkan mereka itu diazab oleh Allah. (Riwayat Al-Hakim)

Sabda Rasulullah S.A.W. lagi yang bermaksud:

“Setiap daging yang tumbuh dari harta kotor (haram) maka neraka lebih layak untuknya” (Riwayat At-Tabari)

Sejarah Penubuhan Perbankan Islam

Bertentangan dengan objektif penubuhan bank-bank konvensional, objektif penubuhan bank Islam adalah berlandaskan dua faktor utama, iaitu faktor tuntutan agama dan faktor keuntungan. Bagi bank Islam, sejarah penubahannya bermula apabila tertubuhnya Mit Ghamr Local Saving Bank di Mesir pada tahun 1963 tanpa menggunakan perkataan Syariah secara rasmi. Bank ini berdasarkan model ‘German Savings Bank’ yang diubahsuai berlandaskan konsep Islam (Clement M. Henry, Rodney Wilson, 2004). Pada tahun 1973, Islamic Development Bank (IDB) telah ditubuhkan pada sidang Menteri-Menteri Luar OIC (Organisation of Islamic Conference). Negara-negara anggota OIC telah menyertai IDB dan telah membantu mengembangkan bank Islam di negara-negara anggota.

IDB juga terlibat dengan aktif dalam menggunakan dana bank untuk membangunkan masyarakat muslim sedunia (About IDB, 2007). Antara bank-bank Islam yang mula ditubuhkan adalah Dubai Islamic Bank pada tahun 1975 diikuti dengan Faisal Islamic Bank of Sudan pada 1977, Faisal Islamic Egyptian Bank dan Islamic Bank of Jordan pada tahun 1978, Islamic Bank of Bahrain pada 1979, The International Islamic Bank of Investment and Development, Luxembourg pada 1980 dan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983. Di sesetengah negara, sistem perbankan Islam telah menggantikan sepenuhnya sistem kewangan konvensional. Bank Negara Sudan telah mengarahkan semua bank di negara tersebut untuk mengharamkan riba dan untuk menukar semua cara perbankan kepada sistem yang berlandaskan Syariah pada tahun 1984.

Perkembangan Institusi Kewangan Islam di Malaysia

Di Malaysia, konsep kewangan Syariah bukanlah sesuatu yang baru, sejak perkembangan Islam di kepulauan nusantara pada abad ke-12, undang-undang Islam dalam perdagangan telah mula mempengaruhi masyarakat tempatan. Dalam Undang-Undang Melaka, terdapat beberapa peraturan yang menyentuh tentang pengharaman amalan riba dalam urusan jual-beli. Transaksi Islam juga telah digunakan oleh masyarakat petani di Kedah, Perlis dan Perak sebelum kedatangan penjajah. Konsep yang digunakan dikenali sebagai Al-Bay' Al-Wafa iaitu jualan dengan pilihan untuk membeli balik. Amalan tersebut diamalkan kerana mereka tidak mahu terlibat dengan pembiayaan pinjaman yang berdasarkan bunga yang diuruskan oleh institusi ceti pada waktu berkenaan.


Selepas kemerdekaan, permintaan untuk mewujudkan satu institusi kewangan yang halal telah meningkat. Pada tahun 1963, Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu umat Islam di Malaysia menyimpan duit untuk menuaikan ibadah haji.

Kejayaan Tabung Haji mendorong pelbagai pihak untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan agar menubuhkan sebuah bank Islam sepenuhnya. Gerakan ini adalah hasil pelbagai perbincangan dan kajian demi kajian yang akhirnya menghasilkan rumusan bahawa wujudnya keperluan menubuhkan sistem perbankan yang berteraskan Syariah. Gelombang ini turut dicetuskan di peringkat antarabangsa di mana usul untuk menubuhkan bank Islam di negara-negara Islam telah dibincang dalam Mesyuarat Kedua Menteri-menteri Luar Negara Islam dalam tahun 1971. Hasilnya, kabinet meluluskan penubuhan bank Islam pertama pada tahun 1983 yang dikenali sebagai Bank Islam Malaysia Berhad yang dikawalselia di bawah Akta Perbankan Islam 1983.

4

Kira-kira sedekad selepas itu, bank-bank konvensional mengambil inisiatif menawarkan jendela Islamik (Islamic window) dalam urusniaga mereka. Pada tahun 2003, bank-bank Islam asing mula bertapak di Malaysia memulakan operasi perbankan Islam.

Ringkasan Perkembangan Institusi Kewangan Islam di Malaysia



Sejarah Penubuhan Perbankan Konvensional

Sistem bank konvensional moden dikatakan telah wujud kira-kira 850 tahun yang lalu. Walaubagaimanapun penubuhan Banco della Pizza di Rialto di Venice pada tahun 1587 dianggap sebagai titik permulaan perkembangan bank moden. Di England, bank konvensional moden dianggap tidak wujud sebelum tahun 1640 dan Bank of England hanya ditubuhkan pada tahun 1694.

Istilah bank boleh didefinisikan sebagai institusi kewangan yang berteraskan riba iaitu penerimaan deposit dengan kontrak pemberian premium atau faedah dan penyediaan hutang atau pembiayaan dengan dikenakan faedah. Perbezaan kadar faedah di antara produk deposit dan pembiayaan adalah keuntungan kepada bank. Bentuk keuntungan yang diperolehi bank seperti aset cair iaitu wang. Menurut sistem konvensional, wang boleh diklasifikasikan sebagai komoditi yang mempunyai harga di mana pihak yang memberi pinjaman berhak mendapat pulangan prinsipal dan premium di atas wang yang dipinjamkan.

Pelbagai produk yang dikeluarkan oleh pihak bank konvensional yang terdiri daripada gadaian, kad kredit, overdraf dan pembiayaan peribadi untuk jangka masa yang pendek. Bagi produk jangkamasa yang panjang pula termasuklah seperti bon, bil perpendaraan dan saham keutamaan. Kesemua produk yang dihasilkan oleh bank konvensional ini boleh dikatakan mempunyai unsur-unsur riba. Ini kerana segala produk yang dijalankan di institusi ini berdasarkan keuntungan dalam bentuk bunga atau ‘interest’ ke atas jumlah pinjaman yang diberikan pihak bank kepada pelanggan. Jadi timbul pelbagai persoalan yang menyelubungi minda kita sama ada elok atau tidak kita menggunakan produk tersebut. Tidak dinafikan terdapat unsur-unsur *gharar* (ragu-ragu/ketidakpastian) di dalam semua produk bank konvensional ini.

Nilai-nilai Syariah Selari Dengan Nilai-nilai Universal

6



Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Perbandingan Antara Perbankan Islam Dan Perbankan Konvensional

Terdapat beberapa perbezaan di antara sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional yang mana secara dasarnya dapat dilihat dari aspek seperti berikut:

Perbezaan Dari Perspektif Asas (Fundamental)

Daripada aspek asas (fundamental), terdapat beberapa elemen yang dapat kita lihat untuk membezakan di antara perbankan Islam dan perbankan konvensional. Antaranya ialah:



NO.	PERKARA	PERBEZAAN
1.	Wahyu Daripada Allah <i>lawan</i> Pemikiran Manusia	<p>Perbankan Islam: Ini kerana ‘manual’ yang Allah S.W.T. sediakan kepada manusia adalah Al-Quran dan Nabi kita Muhammad S.A.W. telah memberikan contoh bagaimana mengendalikan ‘manual’ tersebut sepanjang hidup kita.</p> <p>Perbankan Konvensional: Bila akal dan pengalaman manusia dijadikan atas rujukan, maka ia terdedah kepada seribu satu macam kelemahan kerana manusia itu lemah.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: <i>“Kitab Al-Quran ini, tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa.” (Surah Al-Baqarah[2:2])</i></p>
2.	Iman & Taqwa <i>lawan</i> Kepuasan Duniawi	<p>Perbankan Islam: Pelaksanaan sistem Islam memerlukan iman & taqwa di dalam diri, maka setiap peraturan Allah adalah amanah. Setiap amanah tidak akan dipandang rendah oleh setiap <i>mukallaf</i> yang bertaqwa.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak dipandu dengan nilai iman & taqwa. Oleh yang demikian, dalam pengendalian perbankan konvensional, banyak perkara yang tidak sehaluan dengan kehendak Islam berlaku.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: <i>“Dan kalau lah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya. Bahkan Kami memberi kepada mereka Al-Quran yang menjadi sebutan baik; mereka tidak juga mau menerimanya.” (Surah Al-Mukminun [23:71])</i></p>
3.	Tanggungjawab Agama <i>lawan</i> Tuntutan Manusiawi	<p>Perbankan Islam: Tanggungjawab melaksanakan perintah Allah dan Rasul-Nya adalah terkandung di dalam Al-Quran dan As-Sunnah, contohnya pengharaman riba.</p> <p>Perbankan Konvensional: Berasaskan semata-mata kepada pemikiran manusia maka terlalu banyak aktiviti yang bercanggah dengan Islam termasuklah sistem riba yang menjadi paksi kepada sistem perbankan konvensional.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: <i>“Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata; Sesungguhnya aku dari kalangan orang beriman”. (Surah Fussilat [41:33])</i></p>

NO.	PERKARA	PERBEZAAN
4.	Mematuhi Perintah Allah <i>lawan</i> Melanggar perintah Allah	<p>Perbankan Islam: Setiap aktiviti yang dilakukan, sebagai contoh; membangunkan produk-produk yang baru, sistem perbankan Islam wajib meneliti persoalan halal dan haram sesuatu urusniaga yang ingin dilaksanakan.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak menilai urusniaga mereka dengan nilai kacamata Allah S.W.T. Seolah-olah tidak menyedari bahawa segala urusniaga yang dilakukan akan dicatat oleh para malaikat Allah S.W.T. sama ada beroleh pahala atau dosa.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:</p> <p><i>"Kuasa pemerintahan pada hari kiamat itu tertentu bagi Allah. Ia akan menghukum di antara mereka. Maka orang yang beriman dan beramal soleh ditempatkan di dalam syurga yang penuh dengan segala nikmat dan kesenangan. Dan orang-orang yang kafir serta mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, maka mereka beroleh azab seksa yang menghina." (Surah Al-Hajj [22: 56-57])</i></p>
5.	Redha Allah & Manusia <i>lawan</i> Redha Manusia	<p>Perbankan Islam: Setiap urusniaga yang dijalankan akan berpayungkan kehendak Islam dan mencari keredhaan Allah S.W.T. semata-mata serta mengambil kira maslahah manusia.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak dipandu oleh panduan llahi yang akhirnya boleh membawa kepada kecelakaan di dalam kehidupan mereka. Ini terbukti dengan keingkaran mentaati perintah Allah S.W.T. dalam urusniaganya iaitu semata-mata untuk mengejar keuntungan duniaawi.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:</p> <p><i>"Adakah orang yang menurut keredhaan Allah itu sama seperti orang yang kesudahannya mendapat kemurkaan dari Allah? Sedang tempat kembalinya ialah neraka jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali." (Surah Ali Imran [3:162])</i></p>
6.	Keadilan Matlamat Utama <i>lawan</i> Keuntungan Matlamat Utama	<p>Perbankan Islam: Adil ialah meletakkan sesuatu di tempatnya yang betul. Keadilan dalam Islam ialah bersifat menyeluruh iaitu memenuhi keadilan ke atas semua pihak yang berkontrak. Manfaat yang Allah S.W.T. kurniakan dikongsi bersama dengan pihak-pihak yang terlibat.</p> <p>Perbankan Konvensional: Amalan urusniaga yang terkeluar dari orbit Islam menyebabkan keadilan itu tidak dapat diserlakhan dengan sempurna.</p> <p>Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:</p> <p><i>"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat baik dan memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan mungkar dan kezaliman. Ia mengejar kamu supaya kamu mengambil peringatan." (Surah Al-Nahl [16: 90])</i></p>

Perbezaan Dari Perspektif Urus Tadbir Dan Operasi


Perbezaan di antara perbankan Islam dan perbankan konvensional juga dapat dilihat daripada aspek urus tadbir dan pengoperasiannya. Antara perbezaan tersebut ialah:



NO.	PERKARA	PERBEZAAN
1.	Pemantauan	<p>Perbankan Islam: Segala urusan perbankan Islam akan dipantau oleh Ahli/Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Audit Syariah. Mereka adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan kepatuhan hukum Syariah di sebuah bank.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak mempunyai pemantauan dari segi Syariah</p>
2.	Pematuhan Syariah	<p>Perbankan Islam: Melaksanakan transaksi yang mematuhi kehendak Syariah. Segala perolehan atau hasil yang terbit daripada urusan perbankan yang tidak mematuhi Syariah dan garis panduan Syariah akan disalurkan kepada badan-badan amal.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak ada peruntukan untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah</p>
3.	Lebihan Adalah Untung, Bukannya Riba	<p>Perbankan Islam: Memperoleh keuntungan dengan cara yang tidak bercanggah dengan Islam. Keuntungan (profit) adalah terhasil daripada kontrak jual beli dan perkongsian untung rugi (pelaburan).</p> <p>Perbankan Konvensional: Mengaut keuntungan melalui pelbagai cara tanpa mempedulikan adakah ia mematuhi syarak atau sebaliknya. 'Interest' terhasil daripada lebihan (pertambahan) daripada jumlah pinjaman/hutang yang diberikan.</p>
4.	Hubungan Bank Dengan Pelanggan	<p>Perbankan Islam: Hubungan di antara pihak bank (pembimaya) dan pelanggan terbentuk daripada transaksi jual beli, pelaburan atau perkongsian untung rugi.</p> <p>Perbankan Konvensional: Hubungan di antara pihak bank (lender) dengan pelanggan (borrower) terbentuk daripada transaksi pinjaman/hutang.</p>
5.	Tindakan Lambat Bayar	<p>Perbankan Islam: Caj yang dikenakan berdasarkan kos sebenar atau 1% sepertimana yang digariskan oleh BNM (gantirugi/ta'widh).</p> <p>Perbankan Konvensional: Denda yang dikenakan adalah tidak berdasarkan kos sebenar bahkan denda tersebut digandakan dan menyebabkan jumlah hutang pelanggan bertambah-tambah (compounding).</p>
6.	Zakat	<p>Perbankan Islam: Terlibat dalam pembayaran zakat. Ia merupakan tanggungjawab sosial pihak perbankan Islam.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak ada peruntukan untuk mengeluarkan zakat.</p>
7.	Dakwah Islam	<p>Perbankan Islam: Terlibat di dalam gerakan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Sebagai contoh, memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pengharaman riba, memberi khutbah jumaat, forum dan penyelidikan tentang muamalat Islam.</p> <p>Perbankan Konvensional: Tidak mengambil berat terhadap aktiviti dakwah Islamiah.</p>
8.	Aqad	<p>Perbankan Islam: Sistem Kewangan Islam adalah berteraskan akad yang telah dipersetujui oleh Syarak seperti Bai' Bithaman Ajil (BBA), Wadi'ah, Mudarabah, Musyarakah dan sebagainya.</p> <p>Perbankan Konvensional: Operasinya adalah tidak berteraskan akad-akad yang sah dari sudut Syarak dan kebanyakannya terlibat dalam sistem pinjaman yang berteraskan riba.</p>

Perbezaan Dari Perspektif Produk

Aspek lain yang membezakan di antara perbankan Islam dan perbankan konvesional adalah melalui produk-produk yang dipasarkan. Antara perbezaan tersebut ialah:



Deposit

12

Dalam produk deposit, perbankan Islam menstruktur produk tersebut dengan menggunakan kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah iaitu simpanan dengan jaminan. Hibah atau hadiah boleh diberikan kepada penyimpan, tertakluk kepada budi bicara Bank-bank. Berbeza dengan produk akaun simpanan di bank konvensional, setiap pemegang akaun dijanjikan pulangan tertentu untuk simpanan yang dibuat. Akibatnya, berlakulah riba kerana di dalam produk akaun simpanan, pihak bank telah meminjam duit yang disimpan oleh pelanggan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya. Justeru, sebarang pertambahan dalam bentuk pulangan kepada simpanan pelanggan adalah dikira sebagai riba daripada transaksi pinjaman.

Subjek	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Produk Deposit	Akaun Simpanan/Semasa	Akaun Simpanan/Semasa
Kontrak yang digunakan	Al-Wadi'ah Yad Dhamanah	Tidak relevan
Pulangan	Berdasarkan budi bicara bank	Pulangan (Faedah) telah dijamin

Pembentukan

Dalam pembentukan, perbankan Islam menstruktur produk tersebut dengan menggunakan pelbagai kontrak Syariah seperti BBA, murabahah, istisna, ijarah, dan sebagainya. Contohnya, proses pembentukan peribadi misalnya dibuat menerusi kontrak jual beli yang menghasilkan hutang (debt/dayn) seperti Bai' Al-Inah dan juga tawarruq. Hutang yang dihasilkan bukan dari kontrak pinjaman tetapi kontrak jual beli. Keuntungan yang diterima dari perbankan Islam adalah hasil daripada 'profit rate' dalam bentuk harga jualan. Berbeza dengan perbankan konvensional di mana pelanggan akan menerima hutang hasil pinjaman wang daripada bank dan keuntungan yang diterima bank berdasarkan 'interest rate' atau dikenali riba.

Subjek	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Kemudahan	Pembentukan Peribadi	Pinjaman Peribadi
Kontrak	Tawarruq atau Bai' Al-Inah	Pinjaman
Keuntungan	Terhasil daripada jualan	Terhasil daripada faedah atas transaksi pinjaman
Aset	Komoditi atau aset yang dibenarkan Syarak	Tiada
Amaun yang perlu dibayar	Amaun adalah tetap sepanjang tempoh pembentukan atau dikurangkan/diberikan rebat sekiranya pelanggan membayar keseluruhan pembentukan lebih awal	Amaun akan berubah mengikut perubahan Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate 'BLR')
Pemilikan Aset	Mesti dimiliki oleh penjual	Tidak relevan
Lewat Bayar	Gantirugi (ta'widh) akan dikenakan	Penalti dalam bentuk 'compounding' akan dikenakan
Insurans	Takaful	Konvensional

Pelaburan

Dalam kontrak pelaburan, perbankan Islam menggunakan konsep perkongsian keuntungan dan risiko yang sebenar dan tidak membebankan kedua-dua pihak atau salah satu pihak yang terlibat. Sebagai contoh, di dalam kontrak Al-Mudharabah (pelaburan), pelanggan sebagai pelabur dan bank sebagai pengusaha berkongsi keuntungan ketika mendapat keuntungan, manakala kerugian akan ditanggung oleh pelabur. Ini bertepatan dengan kaedah feqah yang bermaksud “setiap pulangan adalah dengan risiko”.

Perkongsian untung dan risiko secara sebenar ini adalah adil dan tidak membebankan mana-mana pihak yang terlibat. Berbeza dengan pelaburan konvensional yang menjanjikan pulangan tetap di awal kontrak, yang mana pelaburan ini tidak melibatkan perkongsian sebenar di antara pihak terlibat. Pulangan tetap yang dijanjikan di awal kontrak pelaburan adalah riba dan haram dalam Islam.

Subjek	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Produk deposit	Akaun pelaburan am/akaun pelaburan khas	Deposit tetap
Kontrak yang digunakan	Al-Mudharabah	Tidak relevan
Pulangan	Perkongsian keuntungan mengikut peratusan yang dipersetujui	Faedah/Dividen

Penutup

Perbankan Islam pada masa kini telah pun diterima umum dan menjadi satu industri yang amat memberangsangkan. Namun terdapat tanggapan bahawa kemudahan perbankan Islam tiada beza dengan perbankan konvensional kecuali nama kontrak berkenaan di dalam bahasa Arab. Hakikatnya, tanggapan ini sama sekali tidak benar.

Manusia secara semulajadinya memerlukan satu sistem kewangan yang bebas daripada amalan yang ditegah, terutama riba iaitu hasil daripada urusan pinjam-meminjam. Hebatnya perbankan Islam ini bukanlah kerana jenamanya, tetapi prinsip utama yang digariskan oleh Allah S.W.T.

Sebagai kesimpulan, adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap insan yang mengutamakan keadilan untuk memilih perbankan Islam sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah dan ketidakadilan yang diakibatkan oleh perbankan konvensional. Ini adalah kerana perbankan Islam lebih telus dan menjaga nilai-nilai murni individu serta keadilan sejagat bagi masyarakat. Malah, melalui perbandingan-perbandingan yang telah dinyatakan di atas, jelas bahawa perbankan Islam lebih menguntungkan dan bersikap adil terhadap semua pihak. Wallahu'lam.

Glosari

Al-Bai' Al Wafa	Kontrak dengan syarat apabila penjual membayar semula harga barang yang dijual, pembeli memulangkan semula barang itu kepada penjual.
Al-Bai'	Jual beli
Al-Ijarah	Akad sewa atau upah yang melibatkan faedah/manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui.
Al-Mudharabah	Suatu kontrak perkongsian untuk mendapat keuntungan yang diwujudkan antara dua pihak , iaitu pemodal dan pengusaha. Keuntungan akan dikongsi bersama berdasarkan persetujuan atau kerugian akan ditanggung oleh pemodal.
Al-Musharakah	Persepakatan antara dua pihak atau lebih untuk menggabungkan sama ada modal, kerja atau komitmen dengan sasaran mendapatkan keuntungan.
Bai' Al-Istisna	Akad jual beli secara tempahan bagi sesuatu produk dengan spesifikasi tertentu dan dengan kaedah penyerahan dan pembayaran tertentu (sama ada tunai atau tertangguh).
Bai' Bithaman Ajil	Kontrak yang merujuk kepada transaksi penjualan dan pembelian bagi pembiayaan aset atas dasar tertangguh dan ansuran dengan tempoh pembayaran yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Harga jualan termasuk margin keuntungan.
Gharar	Ketidakpastian
Riba	Tambahan atau lebihan yang diperolehi oleh salah satu pihak daripada pihak yang lain tanpa mendapat imbalan yang wajar.
Syariah	Undang-undang Islam, berasaskan daripada Al-Quran (kitab suci Islam), dan amalan dan penjelasannya di sampaikan oleh Nabi Muhammad (S.A.W.) dan ijihad ulama (usaha oleh cendekiawan Syariah untuk menentukan peraturan sebenar undang-undang Allah S.W.T. bagi perkara-perkara yang tidak jelas).
Wadi'ah Yad Dhamanah	Akad simpanan dengan jaminan

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Sistem Kewangan dan Perbankan Islam, Sudin Haron, Kuala Lumpur Business School (KLBS)
3. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1997), Undang-Undang Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hal. 48
4. Joni Tamkin Borhan (2005), Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia, dalam Abdullah Alwi Hj Hassan (Ed.), Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Utusan Publication, hal. 42
5. Akta 276 (Dalam bahasa Inggeris disebut Islamic Banking Act 1983 (IBA))
6. www.syafiqe.wordpress.com
7. www.islam.gov.my
8. www.takaful-ikhlas.com.my
9. Khutbah “Perbandingan Perbankan Islam dan Konvensional”, Bank Muamalat Malaysia Berhad
10. Slaid ‘Shariah Application in Islamic Banking’ (SAIB), Bank Muamalat Malaysia Berhad
11. Zaharuddin Abd Rahman, Panduan Perbankan Islam Kontrak dan Produk Asas, Telaga Biru Sdn. Bhd.

Dicetak oleh:

Wahlitho Printing Sdn Bhd

No.7, Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka, Ampang
68050 Selangor Darul Ehsan.
Tel No : 03-92814834

Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol: **1300-88-8787**